

**Muhyiddin Adakan Pertemuan Tertutup Dengan Menteri Besar Kelantan
Bernama
Jan 6, 2015**

KOTA BAHARU, 6 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengadakan pertemuan tertutup dengan Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob di pejabat menteri besar di Kompleks Kota Darulnaim di sini hari ini.

Muhyiddin tiba pada pukul 12.30 tengah hari dan dipercayai pertemuan itu diadakan berkaitan dengan bencana banjir besar yang berlaku di negeri ini baru-baru ini.

Turut hadir dalam pertemuan kira-kira 50 minit itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Khas Bencana Banjir Negeri Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Datuk Thajudeen Abdul Wahab.

Timbalan perdana menteri yang mengadakan lawatan sehari bagi meninjau keadaan pasca banjir, kemudian mempengerusikan mesyuarat koordinasi pelan tindakan pasca banjir negeri Kelantan di Hotel Sutera Inn Prima pada pukul 2 petang.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan kemudian menyertai gotong royong pembersihan akibat bencana banjir di Sekolah Kebangsaan Tanjung Cenak di Pasir Mas.

Lawatannya berakhir dengan beliau menyertai gotong royong pembersihan di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang di Rantau Panjang, Pasir Mas.

Sementara itu di PASIR MAS, Muhyiddin berkata kerajaan pusat benar-benar komited bagi memulihkan semula kehidupan mangsa yang terjejas akibat banjir buruk baru-baru ini dengan memberikan segala bantuan untuk mereka.

"Kerajaan pusat dan kerajaan negeri akan membantu dengan mengetepikan fahaman politik kerana apa yang penting adalah membantu rakyat yang menghadapi musibah ini," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Bantuan Awal Persekolahan Pasca Banjir di Sekolah Kebangsaan Tanjung Chenak di sini, hari ini.

Turut hadir isterinya Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Banjir Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"Kerajaan pusat dengan kerjasama kerajaan negeri akan membantu menyelesaikan masalah mangsa banjir ini kerana kita tahu mereka kini dalam kesulitan selepas bencana ini. Kita akan minta semua pihak membantu untuk menyelesaikan masalah mereka ini," katanya.

Muhyiddin berkata kerajaan juga akan berusaha membantu peniaga dan petani yang turut hilang mata pencarian dan tempat kediaman dalam musibah itu mengikut kemampuan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada sukarelawan yang telah membantu seperti membersihkan sekolah dan kediaman supaya sesi persekolahan yang bakal dibuka di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor pada Ahad ini dan negeri-negeri lain pada Isnin ini tidak terjejas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098280>